



SARA SOFEA MAHU TAWAN ELBRUS » 26



MEDIA SOSIAL 'HIDUPKAN' KEMBALI TEMBIKAR KLASIK » 28 & 29



TIDAK DIKAWAL SUAMI » 34



UTUSAN MALAYSIA

KHAMIS • 08.08.2019

Mega

wira

f mega utusan malaysia

UNIT PENGESAN (K9)
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
BATU 6, JALAN KLANG LAMA, 58000 KUALA LUMPUR
TEL: 03-7781 9478 / 7785 1594 NO. FAKS: 03-7785 8107

SEBAHAGIAN pegawai dan anggota bomba dari Unit Pengesan (K9) JBPM.



PASUKAN K9 JBPM diperlukan dalam operasi mencari mangsa yang terperangkap dalam runtunan.



Anjing pengesanan berjasa

KEJAYAAN operasi mencari dan menyelamat (SAR) tidak mungkin dapat dicapai oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) tanpa bantuan anjing pengesanan yang terlatih untuk mencari mangsa dalam timbunan runtunan atau hutan belantara.

Ketua Unit Pengesan (K9) JBPM, Penguasa Bomba Donny Chap berkata, Unit K9 yang terletak di Jalan Klang Lama mula menerima anjing pada 2002 dan beroperasi setahun kemudian sebelum dua lagi cawangan ditubuhkan di Tuaran, Sabah dan Serian, Sarawak.

Menurutnya, pada awal penubuhan, unit berkenaan hanya mempunyai 12 ekor anjing sebelum kekuatannya ditambah kepada 30 ekor anjing di Semenanjung dan masing-masing enam ekor di

cawangan Sabah dan Sarawak.

"Anjing-anjing yang digunakan dalam operasi bomba bukan anjing biasa, tapi merupakan anjing baka yang dibeli dari luar seperti Jerman dan United Kingdom (UK).

"Selalunya kami akan menerima anjing berusia setahun enam bulan hingga dua tahun yang telah dilatih di negara asal dan setelah diserahkan kepada JBPM, setiap ekor anjing akan diamankan kepada seorang anggota bomba yang dipanggil Pemegang Anjing untuk dilatih secara lebih intensif," katanya ketika



DONNY CHAP



H. PRAMNATH

ditemui *Mega Wira*, baru-baru ini.

Jelas Donny, Unit K9 JBPM banyak berjasa dalam misi SAR. Antara kejayaan terbesar adalah mengesan tujuh mayat pekerja binaan yang maut tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di tapak projek Lebuhraya Berkembar Bukit Kukus, Oktober tahun lalu.

"Sebanyak empat ekor anjing Labrador dan seekor English Springer Spanial digunakan dalam operasi mengesan mangsa dan kita

dapat menemukan tujuh mangsa dalam tempoh lima hari operasi.

"Walaupun terletak di ibu negara, namun bantuan Unit K9 diperlukan di seluruh Semenanjung dan kita akan terus menerbangkan pasukan bersama anjing dengan bantuan Unit Udara Bomba ke negeri-negeri lain sekiranya diperlukan untuk situasi meruncing," ujarnya yang mengetuai Unit K9 sejak 2012.

Sementara itu Ketua Pegawai Latihan Unit K9 JBPM, Penolong Kanan Penguasa Bomba H. Pramnath memaklumkan kekuatan deria hidu anjing menjadikan haiwan tersebut berguna dalam empat disiplin iaitu penyiasatan kebakaran serta mengesan mayat, mengesan mangsa dalam kawasan bencana dan menjejak mangsa hilang di hutan yang dikelaskan sebagai misi SAR.

Katanya, buat masa ini Unit K9 JBPM mempunyai 45 ekor anjing daripada lima jenis baka iaitu English Springer Spanial,

Labrador, Boloccoli, Belgian Shepherd dan English Pointer.

"Anjing-anjing ini akan digunakan dalam empat situasi tersebut mengikut baka yang sesuai dan kecergasan. Sebagai contoh, anjing baka English Springer Spanial lebih kecil dan mudah digerakkan untuk mengesan punca kebakaran terutama dalam kes khianat.

"Anjing baka lain pula lebih besar dan lebih cergas untuk digerakkan dalam kes runtunan bangunan dan mencari jejak mangsa dalam hutan yang memerlukan lebih stamina.

"Tempoh masa haiwan ini boleh bekerja pula bergantung kepada keadaan lokasi. Anjing-anjing ini boleh berkhidmat sehingga lapan ke 10 tahun bergantung kepada kesihatan dan kecergasannya," tambahnya.

>> Lihat muka 24